




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 260 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 34,083 kes. Tiada kes kematian dilaporkan.
- 2 Pada hari ini, seramai 274 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 31,279 orang. Sejumlah 2,048 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 615 orang di hospital dan 1,433 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Kalabakan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Penampang iaitu Kluster Sugud mencatatkan lima (5) kes hari ini menjadikan kumulatif 26 kes. Kluster ini berpunca dari aktiviti sosial melibatkan tiga buah Kampung iaitu Kg. Timpangoh Sugud, Kg. Tirig dan Kg. Timpayasa.
- 5 Daripada 260 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 135 kes (51.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 49 kes (18.8%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 47 kes (18.1%), saringan pra kemasukan wad 8 kes (3.1%), saringan komuniti 2 kes (0.8%) dan 19 kes (7.3%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,416 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,382 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 32.09%.

B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PEGERAKAN BERSYARAT (PKPB) SELURUH NEGERI SABAH

- 1 Sehingga 17 Disember 2020, sebanyak 33,823 kes positif COVID-19 telah direkodkan di seluruh negeri Sabah.
- 2 Dalam tempoh 14 hari (2- 15 Disember 2020), KKM mengesahkan jumlah kes harian COVID-19 di seluruh negeri ini masih lagi tinggi dan kebanyakan kluster adalah daripada kluster kediaman yang membabitkan warganegara.
- 3 KKM turut menjangkakan kes positif COVID-19 akan terus meningkat berikutan saringan pekerja Bukan Warganegara (BWN) yang baru bermula pada 16 Disember 2020.
- 4 Atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju agar PKPB di seluruh Negeri Sabah dilanjutkan lagi bermula 21 hingga 31 Disember 2020.

C. PEMBUKAAN SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN DI KAWASAN PKPB

- 1 Seperti yang diumumkan sebelum ini bahawa kerajaan telah bersetuju secara dasar untuk membenarkan pembukaan sektor pelancongan dan kebudayaan dalam kawasan PKPB.
- 2 Sehubungan itu Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kelonggaran bagi pembukaan sektor pelancongan dan kebudayaan merangkumi:

a. (Meetings), Incentive Travel, Conferences & Exhibitions (MICE)

- i. *(Corporate Meetings)*
- ii. *Insentif*
- iii. *Conventions / Conferences*
- iv. Pameran
- v. Karnival kraf
- vi. *Travel Fairs / Marts*

b. Produk – Produk Pelancongan

- i. Zoo
- ii. *Farms*
- iii. *Extreme / Adventure / Nature Parks*
- iv. Taman Rekreasi
- v. Akuarium

c. Pameran Hasil Seni, Budaya & Warisan

- i. Muzium
- ii. Galeri Seni
- iii. Perpustakaan
- iv. Pusat / Kampung Kebudayaan dan Seni Warisan
- v. Pentas Persembahan Budaya
- vi. Pameran Pusat Pendidikan

d. Taman Tema & Pusat Hiburan Keluarga, Indoor Playground

- i. *Dry / Water Parks*
- ii. *Arked Permainan / Indoor Funfair*
- iii. Gym Permainan Kanak-Kanak
- iv. Hiburan Permainan berasaskan Peralatan Mesin dan Teknologi
- v. Hiburan Pendidikan Edu-tainment

- 3 Walau bagaimanapun, jumlah kehadiran/pengunjung bagi sektor-sektor yang dilonggarkan ini adalah tertakluk kepada 50% keluasan premis dengan penjarakan fizikal.
- 4 Bagi sektor melibatkan persembahan pentas, ianya dibenarkan tetapi tanpa kehadiran penonton.
- 5 Kelonggaran pembukaan sektor pelancongan dan kebudayaan ini akan berkuatkuasa bermula esok, 19 Disember 2020.

D. KELONGGARAN PEMBUKAAN SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

- 1 Kerajaan juga telah bersetuju secara dasar untuk membenarkan pembukaan sektor sukan dan rekreasi termasuk sukan air secara berfasa.
- 2 Sehubungan itu kerajaan bersetuju membenarkan pembukaan sektor sukan dan rekreasi berkuatkuasa Januari 2021 seperti berikut:

Di Kawasan (PKP Bersyarat)

- i. Aktiviti sukan dan rekreasi kategori individu dan berpasukan bagi tujuan aktiviti latihan, permainan dan perlawanan (*indoor* dan *outdoor*) tanpa penonton adalah dibenarkan.
- ii. Kapasiti pengguna bagi setiap premis yang terlibat hendaklah tidak melebihi 50% kapasiti keseluruhan premis tersebut.
- iii. Aktiviti massa serta acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Di Kawasan (PKP Diperketatkan)

- i. Sebarang aktiviti sukan dan rekreasi adalah **TIDAK DIBENARKAN**

E. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS

- 1 Sidang Khas MKN yang lepas mendengar pembentangan daripada Kementerian Perpaduan Negara mengenai SOP sambutan perayaan Krismas dan upacara sembahyang yang akan dirayakan oleh penganut agama Kristian tidak lama lagi.
- 2 Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membenarkan penganut Kristian mengikuti sesi upacara sembahyang pada 24 Disember 2020 dan 25 Disember 2020 di kawasan-kawasan yang dilaksanakan PKPP dan PKPB dengan SOP ketat yang telah ditetapkan.
- 3 Manakala sambutan Hari Krismas seperti kunjung mengunjung hanya dibenarkan pada 25 Disember 2020 sahaja.
- 4 Walau bagaimanapun, Rumah Terbuka dan Aktiviti Carolling dari rumah ke rumah di kawasan PKPB dan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 5 SOP terperinci boleh dirujuk di laman sesawang MKN.

F. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sehingga hari ini, sebanyak **299,780** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

G. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

H. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98.05%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Ranau	98%
10	Penampang	98%
11	Papar	98%
12	Kota Marudu	98%
13	Beluran	98%
14	Sandakan	98%
15	Lahad Datu	97%
16	Tuaran	97%
17	Keningau	97%
18	Tenom	97%
19	Tawau	97%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

I. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis di lima (5) Daerah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Beluran, Semporna dan Sandakan.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 134 lokasi di 20 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Murut, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

18 Disember 2020